



Surat Berita
L.S.C.
9th Edisi
Disember 2018

Lutheran Study Centre

26, Jalan Pinggir, Off Jalan Istana
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Phone: 6088231579; Fax: 6088 232618
Email: lsc@stssabah.org

Edisi ini:

Buku baru **P.2**
Perkongsian oleh Rev. Joe **P.2**
Koordinator Program **P.3**
Seminar **P.3**
Pensyarah Undangan **P.3**
Perkongsian oleh Rev. Josip **P.4**
Sumber Baru **P.4**

- Pesanan Pengarah -

2018 adalah tahun yang dilimpahi berkat dalam pelayanan Lutheran Study Centre. Walaupun kami tidak menganjurkan acara yang besar sempena Ulangtahn 500 tahun Reformasi pada tahun 2017, namun LSC telah

menganjurkan banyak program secara meluas di wilayah ini yang telah menyumbang kepada kehidupan gereja-gereja dan menyokong dalam pembentukan para pelajar di Seminari Teologi Sabah.

Di samping mengadakan kursus dalam tiga bahasa, kami juga telah menaja seminar-seminar dalam tiga bahasa pada tahun ini sekali lagi. Anda akan melihat mengenainya dalam halaman-halaman Surat Berita ini.

Melihat secara keseluruhannya, saya secara peribadi ingin mengulas bahawa betapa hebatnya LSC dapat menjadi sumber kepada berbagai kumpulan dalam gereja-gereja. Sukacita memenuhi saya ketika mendengar berbagai bahasa bergema dalam ruang LSC.

Terdapat beberapa perkembangan yang penting tapi kurang jelas kelihatan pada tahun ini. Misalnya, penggunaan perpustakaan LSC meningkat dengan ketara pada tahun ini. Ini adalah perkembangan yang hebat. Itu bererti kami perlu menaiktaraf sistem kami, daripada sistem yang ringkas dengan catatan pada buku yang dipinjam yang hanya sesuai dengan pengguna perpustakaan yang sedikit kepada penggunaan alat pengimbas agar sistem komputer pejabat LSC dan perpustakaan utama STS dapat diintegrasikan.

Untuk masa depan jangka panjang dalam kerja LSC, perkembangan yang sangat menarik ialah para graduan kami. Tambahan kepada pelajar-pelajar yang telah mengambil kursus asas, kami mempunyai dua orang pelajar yang

telah menyelesaikan program ijazah lanjutan dalam bidang Lutheran. Josip Dazong dari PCS telah menyelesaikan M.Div.II dengan tumpuan pada bidang Lutheran. Joeferick Ating dari BCCM-BM, telah menyelesaikan Sarjana Teologi dengan pengkhususan utama dalam teologi Lutheran. Kedua-dua mereka akan terus menyokong LSC

pada masa hadapan, dan mengambil masa untuk berkongsi beberapa perkara yang telah mereka pelajari di halaman-halaman ini.


Ketika kita sedang menghampiri akhir tahun 2018 dan bersedia untuk tahun 2019, saya berharap dapat terus bekerjasama dengan gereja-gereja dalam menyediakan bahan-bahan dan sokongan untuk pelayanan mereka. Seperti biasa, kita dipimpin oleh anugerah Allah untuk di transformasi dan melakukan tugas transformasi pada dunia sekitar kita, dan juga ini adalah suatu berkat kerana dapat bekerjasama dengan gereja-gereja FELCMS dan STS melalui LSC.

Dalam damai,

Eric Trozzo, Pengarah

Buku Baru:

Perpustakaan LSC terus berkembang. Ia mengandungi banyak hasil karya terbaru berkaitan topik-topik Lutheran. Tahun ini kami berusaha menambah koleksi dalam bahasa Cina. Sudah tentu lebih banyak tersedia dalam bahasa Inggeris daripada bahasa Cina atau BM, dan dengan itu koleksi berbahasa Inggeris mempunyai koleksi lebih banyak.



Salah satu buku baru dalam bahasa Inggeris yang perlu disoroti di sini ialah A Documentary History of Lutheranism. Ia adalah set dua jilid, diterbitkan oleh Fortress Press pada tahun 2017. Jilid pertama ini merangkumkan dari masa Reformasi sehingga Pietisme, dan disunting oleh Eric Lund. Jilid kedua pula bermula dari masa Pencerahan hinggalah masa kini, dan telah disunting oleh Eric Lund dan Mark Grandquist.

Jilid-jilid ini sungguh menarik dalam jumlah dokumen dan perspektif daripada tradisi Lutheran yang dipersembahkan dalam dua jilid. Tulisan-tulisan kunci daripada perdebatan utama dirangkumkan bersama, menjadikan set ini sebuah bahan kajian pertama yang penting untuk sesiapa sahaja yang ingin menulis mengenai topik yang berkaitan dengan Lutheran. Perkara yang secara khusus sangat menarik adalah bahawa ia benar-benar merangkumi hingga masa kini, dengan tulisan-tulisan yang terkini dari tahun 2015. Bahagian kontemporari juga memasukkan seksyen global yang penting, termasuk kira-kira dua puluh dokumen yang berkaitan dengan Lutheranisme di Asia. Ia boleh didapati di perpustakaan LSC, bagi mereka yang ingin menggunakannya untuk tujuan penyelidikan atau pemahaman.



Perkongsian daripada Koordinator Program kami yang baru:

Rev. Joeferick Ating

Rev. Joeferick Ating menyelesaikan Sarjana Teoloji dengan pengkhususan utama(major) dalam Teologi Lutheran

Saya Joeferick Ating, telah belajar di Seminari Teologi Sabah (STS). Saya mengambil Teologi Lutheran sebagai major untuk Sarjana Teologi di Pusat Pengajian Lutheran. Hanya oleh kerana anugerah Allah dan kasih serta sokongan daripada gereja, saya akhirnya dapat menyelesaikan pengajian di STS. Ia adalah suatu perjalanan yang mencabar dan menarik! Bahagian yang menarik adalah kerana pertemuan dengan Injil dan transformasi Injil melalui kuliah Lutheran. Saya tidak pernah terfikir dan menjangkakan bahawa Injil boleh didengar dengan lantang dan jelas melalui kuliah dan pembelajaran. Perjumpaan dan pengalaman pertama saya dengan teologi Lutheran ialah melalui teologi pembenaran (*justification*) dan teologi salib. Kedua-dua aspek

teologi Lutheran ini memberi kesan kerana mesej tentang anugerah Allah kepada mereka yang lemah: secara rohani, fizikal, sosial, ekonomi dan ekologi – bahawa kita adalah orang berdosa dan mangsa dosa. Peminggiran, kemiskinan, penyakit, kekurangan upaya dan semua bentuk kejahatan sosial adalah akibat dosa dan orang berdosa. Jika anda bertanya kepada saya, mengapa teologi Lutheran? Jawapan saya ialah: **Injil**. Berita Baik yang menyelamatkan, membebaskan, dan menggerakkan saya untuk menjadi jiran dalam masyarakat. Teologi Lutheran, melalui pekerjaan Roh Kudus, membawa saya kepada peribadi dan mesej yang menjadi pusat iman kita, iaitu: Yesus Kristus dan Salib, yang saya percaya akan melakukan hal yang sama kepada jiran saya.

Bagi saya, peranan penting teologi Lutheran adalah untuk memastikan Injil tetap segar dan mekar dalam kehidupan gereja dan masyarakat, di mana jemaah Kristian berada. Ini adalah mesej harapan yang saya akan kongsi kepada komuniti gereja dan masyarakat Malaysia, dan juga kepada dunia kita hari ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah yang memberi inspirasi dan telah membantu selama pengajian saya, khususnya Dr Eric Trozzo. Saya juga ingin berterima kasih kepada Persekutuan Gereja Lutheran Evangelikal di Malaysia dan Singapura (FELCMS) untuk sokongan biasiswa. Terima kasih atas doa dan sokongan anda. Semoga anugerah, kasih, dan damai sejahtera Allah sentiasa bersama anda.

Seminar



Rev. Graham Harms



Rev. Bonar

Beberapa seminar telah diatur pada tahun ini untuk para pastor dan jemaah awam. Semua pensyarah pelawat kami juga turut membantu dalam seminar-seminar selama mereka berada di sini.

Rev. Kempe memimpin tiga seminar. Dengan BCCM-English, dia mengadakan seminar mengenai pelayanan kepada orang yang sedang menghadapi kematian dan keluarganya, dan juga mengenai kesihatan mental.

Dengan LCM, dia memimpin seminar mengenai struktur gereja, termasuklah peranan kaum awam. Manakala, Rev. Harms, memimpin seminar dalam BM mengenai Kitab Wahyu, yang dihadiri oleh peserta BCCM-BM dan PCS. Dengan BCCM-Bahasa Cina, Dr. Li menyampaikan seminar mengenai struktur gereja, termasuklah peranan pastor dan pemahaman Lutheran tentang fungsi khutbah. Tambahan kepada seminar-

seminar oleh pensyarah pelawat kami, Rev. Bonar Lumbantobing dari HKBP di Indonesia dan Dr. Eric Trozzo telah mengadakan seminar dengan PCS.



Topik-topik yang disampaikan termasuklah Firman Allah dan pembenaran, struktur gereja, dan pemahaman Lutheran mengenai penyembahan. Pada keseluruhannya, LSC telah menaja empat seminar sehari dan dua seminar untuk dua hari dalam tahun 2018. Di antaranya, kira-kira 350 orang telah menghadiri semua acara ini.

Pensyarah Undangan

LSC sangat diberkati kerana menerima tiga pensyarah pelawat dalam tahun 2018. Mereka telah membantu dalam kursus-kursus Identiti Lutheran dan beberapa kursus peringkat sarjana yang berkaitan dengan topik Lutheran.



Gereja Lutheran Australia telah menghantar Rev. Robert Kempe yang meluangkan hampir enam minggu di Malaysia untuk mengajar kursus-kursus dalam bahasa Inggeris.



Rev. Graham Harms juga berasal dari Australia, mengajar dalam bahagian BM.



Manakala, Rev. Dr. KS Peter Li, dari Seminari Teologi Lutheran - Hong Kong mengajar dalam bahagian bahasa Mandarin. Setiap pensyarah pelawat telah berkongsi hikmat, pengetahuan dan kesetiaan mereka dalam program-program LSC. Terima kasih kepada mereka bertiga!

Koordinator Program

Bermula Januari 2019, kami mengalu-alukan Rev. Joefrerick Ating sebagai Koordinator Program bagi LSC. Dia akan bertanggungjawab mengatur seminar dan acara-acara pendidikan lanjutan yang lain dan membantu aspek-aspek lain dalam pengoperasian LSC. Dia juga akan melayani dalam fakulti STS sebagai bahagian daripada peranan ini. LSC mengalu-alukannya dan sumbangan yang akan diberikannya!





Saya Josip Dazong, pelajar Seminari Teologi Sabah dalam program Master in Divinitii II. Di samping itu juga, saya telah menyelesaikan dalam pembelajaran Lutheran di LSC. Semua ini adalah kerana kasih kurnia dan anugerah Tuhan yang memberikan saya kekuatan. Dengan itu, segala pujian dan kemuliaan hanya untuk Tuhan kita Yesus Kristus.

Kesempatan mempelajari mengenai Lutheran merupakan sesuatu yang baru dan satu cabaran bagi saya. Namun segala persoalan saya terjawab setelah mengikuti kuliah ini. Lutheran bukan hanya bercakap dalam hal sejarahnya (Martin Luther) melainkan asas-asas pemahaman dan pemikiran doktrinnya yang timbul dalam menjawab persoalan/pergumulan di dalam masyarakat dan gereja pada masa lalu namun masa kini. Justeru kepentingan mempelajari mengenai Lutheran memberikan pemahaman apa yang difahami dan praktiknya agar gereja atau individu dibimbing ke arah pemahaman yang benar sesuai dengan konteks lingkungan gereja.

Ternyata pemikiran Lutheran bukan sahaja relevan dalam konteksnya melainkan berbicara di mana pemikiran dan pemahaman secara kontekstual. Oleh itu, dalam konteks Lutheran di Sabah yang masih muda dari segi pemahamannya, maka hal ini sangat relevan untuk diajarkan bagi memberi pemahaman yang jelas, apa itu Lutheran dari segi sejarah, doktrin, perkembangan dan konteksnya. Paling penting dalam pembelajaran ini, bukan menjadikan pemikiran dan pemahaman diubah menjadi Lutheran melainkan memahami apa yang difahami oleh Lutheran supaya Lutheran sebenar dapat difahami dan ditanggapi sesuai dengan konteks Asia. Perbezaan dan persamaan melalui pemahaman dan praktik tetap ada, yang menjadikan Lutheran unik menurut konteksnya, identitinya, yang menjunjung wibawa Alkitab (Ibrani 4:12) dan terutama sekali berbicara mengenai rancangan keselamatan Allah kepada manusia berdosa oleh anugerah-Nya, di dalam Kristus Yesus melalui karya penebusan-Nya (Roma 3:24).

Sumber Baru

LSC terus bekerja untuk menghasilkan bahan-bahan untuk menyokong jemaah-jemaah dan para pastor. Beberapa bahan telah diterbitkan pada tahun ini.

1. Lualan Berkhutbah, surat berita LSC dibuat untuk membantu para pengkhotbah berfikir mengenai teks-teks Alkitab untuk berkhotbah dengan menggunakan pola hukum/injil, ditambah dengan tiga terbitan baru dalam tahun ini. Setiap terbitan menyoroti dua teks Alkitab yang berbeza. Sebelum ini surat berita diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan BM. Tahun ini ada permintaan untuk terjemahan dalam bahasa Cina juga, oleh itu sekarang ia telah ditambahkan. Jika anda ingin dimasukkan dalam senarai pendedaran, silalah menghubungi pejabat LSC.

2. Lualan Berkhutbah juga boleh didapati dalam bentuk blog. Versi bahasa Inggeris boleh dilawati di:

<https://pathways2preaching.wordpress.com>. Manakala versi BM, boleh didapati di:

<https://lualanberkhutbah.wordpress.com>.

Laman web bahasa Mandarin: <https://xuanjiangdetujing.wordpress.com>

3. "Pembaptisan," adalah risalah yang diterjemah daripada risalah Misi Lutheran Australia ke dalam BM, telah dicetak pada bulan Julai. Sasarannya ialah untuk membantu jemaah awam untuk memahami mengenai baprisanan dengan lebih jelas.



Oleh: Dr Eric Trozzo